

02/09/2003

Mempersiap penggerak bangsa dengan mental, fizikal baru

Dr Ilias Zaidi

JALUR Gemilang berkibar megah mengaluri titipan angin dan bara kemerdekaan ke-46. Setinggi-tinggi tahniah kepada semua pihak yang menjayakan sambutan Hari Kebangsaan yang julung-julung kalinya dilangsungkan di Boulevard Putrajaya. Syabas, sebab sambutan tahun ini amat hebat, meriah dan penuh fantastik.

Begitulah hendaknya kesan yang ditempiasi daripada kehebatan sambutan itu. Setiap warga seharusnya menyahut cabaran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam perutusan Hari Kebangsaannya menjelang detik 12 tengah malam 31 Ogos itu untuk menjadi anak bangsa bercita-cita besar, menguasai pelbagai disiplin ilmu, termasuk bijak berbahasa Inggeris, berdisiplin tinggi serta tidak mudah patah semangat ketika Malaysia sudah di tengah-tengah samudera bergelora menuju gigi pantai negara maju.

Senario masa lampau gerakan reformasi bangsa menunjukkan beberapa perkara yang dapat kita jadikan pedoman dan sempadan untuk menghadapi cabaran masa kini.

Pertama, kejayaan perjuangan lalu disebabkan perpaduan erat rakyat, terutama orang Melayu. Kedua, kejayaan itu berpunca daripada pandangan jauh dan wawasan ke hadapan barisan pemimpin negara.

Ketiga, kejayaan cemerlang itu berpunca daripada idealisme besar yang menjadi pegangan setiap rakyat tanpa mengira kedudukan dan pangkat dalam apa juga perjuangan. Kerana idealisme inilah, rakyat tetap bersatu padu dan mempunyai nawaitu yang satu iaitu cita-cita dan perjuangan kemerdekaan.

Kita bukan tidak menghadapi masalah. Syeikh Tahir Jalaluddin, Syed Syeikh al-Hadi dan rakan seperjuangannya berhadapan dengan masyarakat daif akibat kepercayaan karut dan bidaah. Mereka mencampuradukkan amalan kepercayaan dan adat istiadat dengan soal solat, puasa dan peribadatan lainnya. Rakyat juga buta huruf. Anak-anak gadis dibiarkan terpinggir. Tidak diberikan pendidikan.

Memang sebenarnya gerakan nasionalisme di negara ini dapat dikatakan bermula pada awal abad ke-20. Pada ketika itu gerakan ini bersendikan pemikiran Islam dipelopori oleh mereka yang mendapat pendidikan secara langsung di Asia Barat. Mereka terpengaruh dengan gerakan pembaharuan Islam yang dianjurkan oleh Syeikh Muhammad Abduh dari Mesir.

Di antara tokoh yang saya maksudkan itu ialah Syeikh Tahir Jalaluddin dan Syed Syeikh al-Hadi, yang terkenal dengan novelnya Iakah Salmah? Ringkasnya, tahap pertama gerakan nasionalisme Melayu ini digerakkan oleh intelegensia Melayu yang berpendidikan Arab.

Tetapi, Malayan Union dapat dianggap sebagai kemuncak tahap perkembangan semangat nasionalisme Melayu, walaupun kezaliman tentera Jepun itu begitu pedih dan mencengkam seperti terpancar dalam filem Embun. Generasi merdeka sepatutnya memanfaatkan filem itu untuk menguliti kehebatan perjuangan kemerdekaan menghadapi penjajah Jepun.

Ketika Malayan Union diura-urakan, pertuanan Melayu memang benar-benar tercabar. Tunjuk perasaan dilancarkan di seluruh negara menentang penubuhan kerajaan ala kesatuan itu dan memulaukan pelantikan Gabenor Jeneral Malayan Union. Gagasan Inggeris ini mempunyai rahmat tersendiri apabila Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau Umno ditubuhkan pada Mei 1946. Malayan Union digantikan dengan Persekutuan Tanah Melayu pada 1948.

Justeru, Pendeta Za'ba dan Aminuddin Baki melanjutkan gerakan perubahan fikiran dan sikap di kalangan masyarakat serta umat Melayu/Islam menerusi

aspek pendidikan. Aminuddin selalu mengingatkan kita bahawa jangan nanti itik mati kehausan dan ayam mati kelaparan. Dr Burhanuddin al-Helmy dan Zulkifli Muhammad bersama-sama Datuk Asri Muda melanjutkan gerakan reformasi oleh Syeikh Tahir dan Syed Syeikh al-Hadi.

Selepas merdeka hatta sampai sekarang pun, sebahagian besar rakyat termasuk yang kononnya berpendidikan dan berkelulusan luar negara, masih berfikir menurut streotaip dan prejudis lama. Kita masih dirantai oleh belunggu pemikiran suka mencari-cari kesalahan orang lain, tanpa menuding kepada kekurangan diri sendiri. Kebanyakan kita terperangkap dalam jebak nafsu amarah dan dengki yang tidak bertepi apabila melihat orang lain lebih kuat bekerja dan lebih berkebolehan daripada kita. Dr Mahathir sendiri pernah meratapi kegagalannya hendak mengubah mindset orang Melayu seperti ini.

Perjuangan mengisi kemerdekaan itu sendiri menuntut pengorbanan yang lebih besar dan berat. Sebab itulah, tenaga penggerak bangsa perlu dipersiapkan dengan sebaik-baiknya dari segi mental dan fizikal. Gelombang cabaran lebih hebat dan dahsyat. Tindakan memperkecil-kecilkan usaha ke arah membijakkan anak bangsa berbahasa Inggeris serta celik teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) harus ditangani secara teliti, berhemah dan penuh rasa tanggungjawab.

Penyelewengan, kepura-puraan hidup serta ketidakadilan sosial dan ekonomi perlu dihadapi dengan tindakan berprogram secara lebih berani. Kemiskinan rakyat di kampung menuntut program bersepadu pula.

Dr Mahathir juga mengingatkan rakyat agar pemikiran mereka tidak dijajah semula dan sepatutnya kekal sebagai bangsa yang menerajui pemerintahan negara. Seruan ini memang tepat dan patut menjadi bekal keramat natijah daripada tempian lebat bara semangat sambutan kemerdekaan. Sejarah dengan pantas menyingkap lembaran era kebangkitan semula. Gerakan pembaharuan pemikiran bangsa atau disebut revolusi mental berjalan gemuruh mabadai pintu hati dan perasaan rakyat. Hingga kini, apakah kesannya?

Yang diperjuangkan ialah penentangan terhadap amalan yang bercanggah dengan ajaran Islam. Di antaranya ialah rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Persis tegas Dr Mahathir tidak ada jalan singkat ke arah mencapai kejayaan. Malah, beliau menyeru orang Melayu agar menolak tanggapan ilmu ghaib dan sihir kononnya dapat membantu perlunasan cita-cita besar mereka.

Negara mendapat anjakan paradigma baru di bawah kepemimpinan Dr Mahathir yang pantas berpandangan jauh ke hadapan. Pantasnya beliau bertindak mempercepat 30 minit masa di Semenanjung agar sama dengan masa di Sabah dan Sarawak sebaik mengambil alih teraju pemerintahan. Keterikatan sebagai rakyat sebuah negara merdeka lagi berdaulat lebih terasa intim oleh rakyat kedua-dua wilayah ini.

Begitu juga, sejak memperkenalkan beberapa dasar baru seperti Dasar Pandang ke Timur dengan konsep pensyarikatan Malaysia serta pengkorporatan dan penswastan Malaysia imbalan perdagangan negara kian menyerlahkan.

Suara lantang Malaysia pada forum antarabangsa seperti Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu, Persidangan Negara Berkecuali, Pertubuhan Persidangan Islam, Asean, Komanwel dan Dialog Selatan-Selatan mulai mendapat perhatian masyarakat dan pemimpin global.

Kelantangan suaranya meskipun dalam kelembutan sutera tetap membelah seluruh benua, terasa akan sindiran tajamnya, suara seorang humanis yang mengajak umat manusia membelai perdamaian, mengecam persengketaan dan apatah lagi peperangan. Malaysia kian disegani dan dihormati. Martabat pemimpin terlunjak gah sebagai juara jurucakap masyarakat tertindas, khususnya di atmosfera selatan. Serentak itu, martabat bangsa kita terus dipandang tinggi dan mulia pada pandangan bangsa lain di dunia.

Pemimpin saja yang berparadigma begitu tidak mencukupi. Agenda bertindak

dan program beranjak masih meranjau perjalanannya panjang. Wawasan 2020, misalnya, mesti diangkat menjadi realiti. Koridor Raya Multimedia, mesti dimanfaatkan dengan cabaran globalisasi dan ICT. Kita berhasrat hendak mengutus angkasawan ke bulan, persis mahu mengesani jejak Neil Armstrong pada 1969. Jiwa perkasa, semangat terwaja dan ilmu serta disiplin diri terjaga menjadi rempah ratus berkhasiat bagi merealisasikan unjuran 2005 sebagai tahun keramat menghantar angkasawan kita ke angkasa.

Agenda besar dan raksasa ini perlu diteruskan dan dilaksanakan dengan jayanya. Umno yang menjadi tunggak kerajaan, dengan tradisi perjuangan sedia ada, harus dipertahankan sepanjang zaman. Tradisi pemimpin dan kepemimpinan pada tangan parti perlu diteruskan. Ke arah ini, tenaga muda perlu dipersiapkan dari sekarang. Persiapan ini memerlukan perancangan rapi dan pengaturan program bertindak yang teliti.

Antara lain, kewajarannya memang ada untuk kita menganjurkan kursus penghayatan kembali sejarah perjuangan bangsa sepanjang abad lampau. Penghayatan ini diharap dapat menghidupkan kembali roh dan semangat perjuangan zaman lampau. Ia sekali gus dapat pula menyemarakkan semangat perpaduan yang sekian lama terbaja dengan suburnya.

Barang kali ada yang terluka dan terhampa. Namun, yang runtuh dan tewas, bukan hendak ditangisi. Ia harus dijadikan sempadan untuk berjuang lebih nekad agar kesilapan masa lampau tidak diulangi. Sebagai barisan pelapis, generasi merdeka harus didedahkan dengan pendekatan dan cara menakrif serta menafsir sejarah. Tafsiran yang betul dan tepat memudahkan kita melangkah sebagai pasukan yang gagah perkasa bagi mengisi kandungan kemerdekaan bangsa, sesuai dengan tuntutan semasa dan zaman depan.